

<b>MEDIA : Utusan Malaysia</b>	<b>TITLE : Scomi Engineering beli kepentingan syarikat Brazil</b>
<b>COMPANY : Scomi Engineering Bhd</b>	<b>DATE : 17 June 2016</b>

## Scomi Engineering beli kepentingan syarikat Brazil

**KUALA LUMPUR 16 Jun** - Scomi Engineering Bhd. (SEB) memuktamadkan pembelian 42.25 peratus kepentingan di dalam syarikat pembekal kereta api monorel Brazil, Quark, sekali gus meningkatkan potensi untuk meraih lebih banyak kontrak dan pendapatan di pasaran negara Amerika Selatan itu.

Lembaga Pengarah SEB dalam kenyataannya ke Bursa Malaysia semalam, mengesahkan memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada awal bulan ini untuk membeli kepentingan Quark telah dimuktamadkan Selasa lalu.

Transaksi tersebut akan membolehkan SEB memiliki 80 peratus kepentingan di dalam Quark manakala 20 peratus lagi dikuasai oleh syarikat tempatan Brasell Gestao Empresarial LTDA (Brasell).

Quark merupakan subkontraktor kepada Concessionaria Do Monotrilho Da Linha 18-Bronze (SPE) bagi membekalkan kereta api monorel untuk sistem pengangkutan awam 18 Bronze di Sao Paulo, Brazil.

SEB sebelum ini memiliki 37.75 peratus kepentingan di dalam Quark, Brasell 10 peratus manakala 52.25 peratus dimiliki oleh MPE Montagens e Projetos Especiais S.A. (MPE). MoU yang ditandatangani itu akan membolehkan SEB dan Brasell membeli kepentingan MPE.



**SCOMI kini terkenal di pasaran antarabangsa sebagai satu daripada empat syarikat pembekal bersepadu dalam sistem monorel dunia.**

“Usaha pembelian merupakan strategi SEB untuk mengukuhkan pasaran syarikat di Brazil dan Amerika Selatan. Tambahan kepentingan ini akan membolehkan SEB memaksimumkan lagi penghasilan komponen tempatan, sekali gus menaikkan penguasaan keuntungan dan pasaran SEB.

“Langkah ini juga merupakan rancangan strategik SEB untuk membangunkan kilang pengeluaran di Sao Paulo,” menurut SEB dalam kenyataan pada awal bulan ini sebagai alasan untuk meningkatkan pegangan di dalam Quark.

Transaksi pembelian kepentingan itu melibatkan tunai sebanyak RM23.5 juta dan beberapa syarat

mengikut perjanjian pembekalan kereta api untuk 18 Bronze.

Mengulas lanjut, SEB menjelaskan, pembelian kepentingan itu dijangka memberi kesan positif dari segi pendapatan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 kerana akan menyediakan secara penuh kereta api untuk 18 Bronze dan beberapa projek lain di Brazil dan Amerika Selatan.

“Terdapat banyak projek di Brazil dan Amerika Selatan untuk pembekalan, operasi dan penyelenggaraan monorel dan sistem kereta api. Penguasaan majoriti di dalam Quark akan mengukuhkan lagi potensi pendapatan pada masa depan,” menurut syarikat itu lagi.